

21 DEC 1999

CLOB-BINTANG MELEWAR

BINTANG MELEWAR SETUJU BANTU SIAS MENGENAI CLOB

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Bintang Melewar telah bersetuju untuk membantu Persatuan Pelabur Sekuriti Singapura (SIAS) melaksanakan cadangannya mengenai pemindahan saham syarikat-syarikat Malaysia di Central Limit Order Book (CLOB) ke Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) secara berperingkat-peringkat.

Tunku Abdullah dari Melewar Group Bhd berkata syarikat tersebut telah mengemukakan sepucuk surat lagi kepada BSKL, menyatakan bahawa ia bersedia membantu SIAS.

Antara lain, surat tersebut memberitahu bahawa Bintang Melewar telah bersetuju dengan SIAS mengenai pelepasan berperingkat (saham-saham berkenaan kepada akaun individu) dan akan menyelaraskan semua usaha untuk memastikan pemindahan saham-saham tersebut.

"Kita harap satu keputusan dapat dicapai secepat mungkin...Saya sentiasa memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin tentang apa yang sedang kita lakukan," kata Tunku Abdullah pada majlis taklimat anjuran bersama SIAS dan Bintang Melewar, di sini hari ini.

Katanya, rundingan selanjutnya akan diadakan bagi memperkemaskan cadangan-cadangan tersebut.

Katanya beliau berharap BSKL akan membuat keputusan mengenai cadangan tersebut sebelum akhir bulan ini.

Pengarah urusan kumpulan Melewar Group Bhd, Tunku Iskandar menjelaskan bahawa Bintang Melewar akan membantu SIAS dengan cadangan tersebut manakala cadangan oleh Bintang Melewar adalah isu yang berasingan.

Tegasnya, walaupun kedua-duanya bekerjasama, namun Bintang Melewar tidak membatalkan cadangannya bagi perkhidmatan kastodial, portfolio mengurus dan polisi insurans berkaitan pelaburan.

Bagaimanapun, Bintang Melewar perlu memperkemaskan cadangannya kerana ia perlu memastikan bahawa apa yang ditawarkan boleh diterima oleh kebanyakan pelabur yang akan merasakan bahawa cadangan SIAS itu tidak memenuhi keperluan mereka, tambahnya.

Katanya Bintang Melewar akan diberi bayaran berpatutan bagi usahanya membantu SIAS. Bagaimanapun jumlahnya masih belum dibincangkan.

Pada masa ini, SIAS tidak akan mengambil pendirian rasmi mengenai cadangan Bintang Melewar kerana ia memerlukan perbincangan selanjutnya, kata Presiden SIAS, David Gerald Jeyasegaran.

Bintang Melewar akan berperanan jika kita dapati syarat-syaratnya sesuai bagi pelaksanaan pelepasan berperingkat, katanya.

SIAS mahu menyelesaikan perkara ini melalui jalan damai tetapi tidak mahu diambil kesempatan dan penyelesaian yang dicapai mestilah bersifat sama menang di samping bersifat munasabah dan lengkap, katanya.

Mengenai kemungkinan pihak-pihak lain menawarkan bantuan, beliau berkata ia bergantung kepada yang mana satukah tawaran terbaik.

Menyentuh tentang cadangan membawa isu ini ke Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), David berkata ia akan dirujuk kepada badan seperti WTO, hanya sebagai ikhtiar terakhir jika semua usaha lain gagal.

Pada peringkat ini, SIAS tidak boleh memikirkan tentang tindakan undang-undang, tetapi berusaha sendiri untuk menyelesaikan perkara ini secara damai, tambahnya.

Katanya, tidak ada sebab untuk beranggapan bahawa pihak-pihak berkuasa Malaysia tidak akan memberi taraf penama kepada Depositori Pusat Singapura

mengenai saham-saham CLOB ini.-- BERNAMA
MSL KY JR